



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Selasa, Disember 06, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

CARI

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Pendidikan sama rata boleh dicapai melalui pelaburan



Oleh: Azman Zakaria  
Foto oleh: Noor Azreen Awang

**PUTRAJAYA, 5 Dis** - Pendidikan sama rata boleh dicapai melalui pelaburan atau perbelanjaan dalam pendidikan kerana ia member kesan positif jangka panjang.

Bekas Presiden Timor-Leste, Dr. Jose Ramos-Horta, berkata pelaburan dan perbelanjaan dalam pendidikan akan meningkatkan bilangan golongan berpendidikan dan berkemahiran, yang seterusnya akan meningkatkan kebolehpasaran, potensi dan produktiviti.

Ketika menyampaikan ucapan dasar pada Persidangan Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAIHL) 2016 di sini, beliau berkata rasionalnya ialah ia akan meningkatkan pendapatan isi rumah yang mempunyai kaitan secara langsung dalam meningkatkan pengagihan sama rata kekayaan negara.

"Ini boleh dan selalunya akan membawa kepada keadaan masyarakat yang lebih sama rata, sekali gus menyumbang ke arah memudahkan pembangunan yang seimbang," katanya.



Dr Jose Ramos-Horta yang memenangi Nobel Peace Prize Laureate 1996, juga berkata pelaburan dalam pembangunan sumber manusia membabitkan latihan pada semua peringkat dari pegawai paling senior sehingga kakitangan paling rendah dalam institusi akademik, adalah sangat penting.

Katanya, ia akan membolehkan pegawai kanan boleh mengurus serta membantu kakitangan lain memupuk kemahiran yang berkaitan dalam penyusunan semula atau pembangunan kaedah dan proses baharu pendidikan.

Dr Jose Ramos-Horta juga berkata Timor-Leste yang mencapai kemerdekaan pada 2002 kaya dengan sumber asli tetapi pembangunan sektor pertanian merupakan keutamaan dalam pembangunan negara itu.

"Kita di Timor, bukan hanya mahu memelihara sekuriti makanan tetapi juga memelihara keselamatan dalam pengeluaran makanan – makanan yang selamat untuk dimakan oleh rakyat kita dan mereka di luar negara yang membeli makanan kita," katanya. – UPM

